

Ubah minda, perbetul persepsi
Utusan Online
12 April, 2012

KUALA TERENGGANU 11 April - Umat Islam khususnya pengikut Pas perlu mengubah minda dan memperbetulkan persepsi mereka dengan tidak lagi menganggap parti itu seolah-olah sebuah agama.

Menurut Penasihat Agama Institut Jantung Negara (IJN), Fathul Bari Jahya, tanggapan sedemikian terserlah apabila pengikut parti berkenaan beranggapan dengan menyertai Pas, mereka adalah umat Islam sebenar dan layak masuk syurga.

Beliau yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Ilmuan Muda Malaysia berkata, ahli dan pemimpin Pas perlu sedar bahawa seseorang yang mengaku beragama Islam, mereka belum tentu benar-benar Islam dan begitu juga berkaitan soal akhlak.

"Paling penting, kita kena ada dalam minda kita bahawa Pas bukan agama. Ini kerana, ada sebahagian (pengikut Pas) yang menganggap Pas sebuah agama.

"Kalau masuk Pas, mereka akan masuk Islam dan seterusnya masuk syurga. Kita kena faham, tak semestinya mereka mengaku Islam, mereka orang Islam. Begitu juga mengaku berakhlak baik, mereka ini tak semestinya baik," katanya.

Beliau menyatakan perkara itu ketika menyampaikan hujahnya pada program wacana politik mengenai perjuangan Pas yang dikatakan mengugat umat Islam yang dihadiri lebih 2,000 peserta di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam (TTI) di sini hari ini.

Pada sidang akhbar selepas itu, Fathul Bari turut mengalu-alukan cadangan agar program wacana seumpama itu diteruskan dengan menjemput pemimpin pembangkang khususnya Pas untuk berbincang serta memberi penjelasan tepat kepada masyarakat mengenai perjuangan sebenar parti itu.

Beliau bagaimanapun berkata, pada wacana akan datang, ia sewajarnya dibuat mengikut skop tertentu termasuk membincangkan isu Amanat Haji Hadi demi kepentingan akidah umat Islam keseluruhannya.

"Kita sedia untuk berdialog dengan Pas tapi biarlah skopnya lebih kecil. Kita boleh jemput mereka (pemimpin Pas) untuk berdiskusi dengan cara ilmiah dan fakta," katanya.

Sementara itu, seorang lagi ahli panel pada wacana itu, Mohd. Kamal Saidin menarik perhatian, Pas wajib ditolak bagi membolehkan seluruh umat Islam di negara ini kembali bersatu.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0412&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm